

**Pemilihan Parti Bukan Proses Perebutan Kuasa, Rosakkan Parti - Muhyiddin Bernama**  
**12 Oct, 2013**

MUAR, 12 Okt (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan anggota Umno bahawa pemilihan parti bukanlah proses perebutan kuasa, maka anggota yang tidak terpilih, tidak seharusnya menerima kekalahan dengan melakukan tindakan yang boleh merosakkan parti.

Pemilihan parti ialah proses penawaran diri untuk membolehkan perwakilan memilih calon yang terbaik menerajui Umno baik di peringkat sayap, bahagian mahupun peringkat tertinggi parti, kata timbalan perdana menteri yang juga timbalan presiden Umno.

Muhyiddin berkata jika tidak terpilih, ia tidak bermakna calon yang kalah tidak lagi mempunyai ruang dan peluang, untuk menyumbang bakti.

"Gagal hari ini tidak bermakna gagal esok hari, lagipun bilangan jawatan untuk yang dipilih terbatas sedangkan banyak tokoh berkaliber menawarkan diri. Selepas ini lebih banyak lagi peluang untuk mereka dilantik semula di peringkat jawatankuasa atau biro.

"Yang penting apa sahaja proses yang dilalui, kita kena pastikan parti tidak tercemar, Umno tidak lemah, dan akhirnya apa yang kita lakukan akan menjadi tokok tambah kepada kekuatan parti. (dan) Apabila lakukan sesuatu kita kena fikirkan sama ada ia akan memberikan keuntungan kepada parti atau tidak," kata Muhyiddin kepada pemberita mengenai pemilihan Umno untuk kepimpinan tiga sayap parti Sabtu.

Muhyiddin ditemui pemberita selepas majlis penyerahan lembu korban perdana sebanyak 205 ekor kepada 102 cawangan Umno dalam Parlimen Pagoh dan jabatan kerajaan di kawasan Parlimen Muar serta Ledang di Kompleks Pekembar, Pagoh di sini.

Beliau berkata calon yang tidak terpilih patut memberikan sokongan padu kepada calon yang terpilih bagi memastikan parti terus utuh menghadapi cabaran mendatang.

Terpilih atau tidak adalah proses biasa dalam amalan demokrasi, jangan fikirkan kepentingan diri, katanya.

"Saya sendiri telah melalui proses menang dan kalah, ada waktu mendapat sokongan yang besar dan ada masa kecundang, tetapi saya bangkit semula dan ahli nilai dan pilih saya semula hingga berada di tahap sekarang.

"Yang penting, jangan putus asa dan harus terus sokong calon yang terpilih kerana mereka mendapat sokongan yang lebih banyak dan harus membantu mereka supaya parti menjadi lebih kuat," nasihat beliau.

Timbalan perdana menteri mengingatkan bahawa segala keputusan hasil pemilihan kali ini bukan sahaja penting untuk tempoh terdekat tetapi juga amat mustahak untuk survival parti lebih-lebih lagi bagi menghadapi pilihan raya umum ke-14.

Beliau berkata proses pemilihan kali ini juga menunjukkan Umno yang menjadi tunggak Barisan Nasional (BN) melalui proses transformasi yang telus dan proses meremajakan parti dengan memberi ruang kepada lebih banyak calon menawarkan diri bertanding.

"Menerusi format baharu ini sesiapa yang berminat tawar khidmat kepada parti boleh tawarkan diri, yang penting proses ini berjalan dengan teratur dan ahli parti buat penilaian terhadap mereka yang bertanding secara agak mendalam," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai kekurangan kertas undi di beberapa Umno bahagian termasuk Tangga Batu dan Bukit Katil, Melaka, Muhyiddin berkata masalah itu memang dijangka, berikutan ini pertama kali parti melaksanakan sistem pemilihan baharu.

"Mereka boleh berhubung dengan urusetia jawatankuasa pemilihan...Saya serahkan kepada kebijaksanaan jawatankuasa bahagian dan pemilihan untuk putus perkara begitu," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985170>